

---

# PM enggan

## jumpa

B.H. 16 AUG 1992

## Kit Siang



ALOR STAR. Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr **Mahathir** Mohamad enggan bertemu **Ketua** Pembangkang, **Lim Kit Siang**, bagi membincangkan **perkara berkaitan agama** dan sensitiviti keluarga di negara ini.

Dr **Mahathir** berkata, beliau **tiada** perlu berbuat demikian **kerana** Setiausaha Agung DAP itu tidak pernah **bertindak secara** rasional, sebaliknya sering memainkan sentimen **kaum** dan agama.

Menurut Perdana Menteri, **sikap** Lim mengenai **perkara** ini amat **terang** dan jelas.

Oleh itu, beliau tidak perlu berbincang dengannya.

"Tidak payah jumpa. Tulis surat sudahlah. Mengapa **mesti** berbincang kerana **sikap Kit Siang** mengenai isu ini terang dan jelas.

"Kita tidak pernah dengar **Kit Siang** merungut apabila orang **Cina** meninggalkan **agama Buddha** tetapi jika mereka (orang Cina) memeluk **Islam**, dia akan menghasut mereka **meninggalkan Islam**.

"Semua orang tahu **sikap Kit Siang** dan **bukannya** sekali ini saja dia **buat** begitu," katanya kepada pemberita se-jurus tiba di sini **hari** ini bagi menghadiri majlis perkahwinan **anak Irlaki** Menteri Besar Kedah, malam ini.

Dr **Mahathir** berkata **demikian** ketika diminta mengulas kesediaan Lim **menemuinya** bagi **membincangkan** bagaimana masyarakat **Malaysia** boleh pelajari dengan lebih **baik** untuk **menghormati** **agama** dan sensitiviti keluarga di negara ini.

Bercakap kepada pemberita selepas **merasmikannya** konvensyen DAP Perak di Ipoh hari ini, **Ketua** Pembangkang itu juga berkata, DAP **tiada** menentang tindakan orang Cina **memeluk Islam** tetapi **menentang** tindakan golongan kecil **bukan Islam** dan pelajar **memeluk Islam** tanpa pengetahuan dan kebenaran **ibu bapa**.

Perdana Menteri berkata, DAP tidak pernah mengambil tindakan **jika** ada orang **Cina** memeluk agama **lain**, seperti Kristian.

"Kitabukan **terarah** kerana mereka memeluk Kristian, tetapi **sikap** terhadap isu itu mestilah sama **rata**. Kalau tak setuju, tak setuju semua dan **tiada** boleh satu sahaja," katanya.

---